

06 MAY 2002

MAHATHIR-TERUSAN/I

M'SIA AKAN CARI JALAN RAIH FAEDAH DARIPADA PROJEK TERUSAN KRA THAILAND

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Malaysia akan mencari jalan untuk sama-sama meraih faedah daripada projek Terusan Kra, Thailand, demikian menurut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Ia adalah hak Thailand untuk membina terusan itu memandangkan ia berada dalam lingkungan wilayah negara berkenaan, kata beliau pada persidangan akhbar selepas menyampaikan ucap tama di Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini hari ini.

"Akan berlakunya pembentukan semula ekonomi dengan adanya laluan baru ini," kata Dr Mahathir yang juga merupakan Menteri Kewangan.

Perdana Menteri berkata pembinaan terusan-terusan yang lain seperti terusan Suez dan terusan Panama telah menunjukkan kawasan yang terjejas oleh pembangunan berkenaan tidak dibiarkan begitu sahaja.

"Saya agak yakin walaupun anda membina terusan, ia tidak bermakna yang lainnya patut tutup kedai. Kita perlu cari jalan bagaimana untuk sama-sama mendapat faedah daripada terusan baru itu," kata beliau.

Kerja pembinaan projek terusan itu iaitu dari Lautan Hindi ke Teluk Thailand dijangka bermula pada tahun 2005.

Terusan yang dicadangkan itu pada asalnya akan menyeberangi Segenting Kra, tetapi kini terusan itu akan berlokasi 400 km ke selatan berdekatan sempadan Malaysia-Thailand, 30 km utara Satun dan 24 km selatan Pelabuhan Songkhla.

Kerajaan-kerajaan China dan Jepun telah menunjukkan minat untuk bekerjasama dengan kerajaan Thailand untuk membina terusan yang dianggarkan bernilai 100 bilion baht (RM10 bilion).

Thailand telah berkata yang keputusan pra-kemungkinan menunjukkan yang kawasan antara Satun dan Songkhla merupakan pilihan yang lebih baik memandangkan terusan yang dicadangkan itu akan berada selari dengan Lebuh raya Satun-Haadyai.

-- BERNAMA

MAD MKO FR AA